

02/05/2001

Dr M mahu KSN serah laporan

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Samsudin Osman mengemukakan kepadanya laporan mengenai mesyuarat yang diadakan antara pengurusan dan kakitangan jabatan atau agensi kerajaan.

Mesyuarat yang dikenali sebagai Majlis Bersama Jabatan (MBJ) itu adalah landasan bagi kedua-dua pihak untuk menangani sebarang masalah dan mencari penyelesaian, terutama isu berkaitan perkhidmatan awam.

"Saya ingin dapat laporan... terus ke meja saya. Cuma nak tahu ada atau tidak (dialog)...bukan secara terperinci kerana kadang-kadang kalau tak ada laporan dia tak ada (mengadakan dialog)," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang akhbar selepas berucap pada Majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2001 bagi kakitangan sektor awam di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di Bukit Kiara, dekat sini hari ini.

Dr Mahathir membuat arahan itu selepas perkara berkenaan dibangkitkan oleh Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs), N Siva Subramaniam di majlis itu yang dihadiri kira-kira 1,000 kakitangan awam.

Siva dalam ucapannya berkata, kira-kira 50 peratus jabatan kerajaan belum menubuhkan MBJ dan ini menyukarkan usaha menyelesaikan sebarang masalah yang timbul di peringkat jabatan.

Cuepacs sebelum ini dilaporkan berkata bahawa ada ketua jabatan yang menganggap MBJ sebagai landasan bagi kakitangan bawahan membongkar kelemahan ketua jabatan dan dengan itu mereka keberatan mewujudkan MBJ di jabatan atau agensi masing-masing.

Perangkaan menunjukkan setakat ini hanya 1,000 MBJ ditubuhkan daripada sejumlah 2,000 yang sepatutnya diwujudkan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2/1992.

Dr Mahathir berkata, beliau menjangka untuk mendapat laporan berkenaan setiap tiga atau empat bulan sekali.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Osman, ketika ditemui selepas perhimpunan itu berkata, beliau akan mendapatkan maklum balas daripada semua jabatan berhubung isu penubuhan MBJ.

Beliau mengakui ketika ini masih ada jabatan yang belum menubuhkan majlis berkenaan dan ada yang sudah berbuat demikian, tetapi belum mengadakan sebarang mesyuarat.

"Berikutan arahan Perdana Menteri ini, saya akan bersama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mendapatkan maklum balas berhubung perkara ini," katanya.

Beliau turut membidas sesetengah jabatan yang mungkin melihat penubuhan dan mesyuarat majlis itu sebagai membebankan.

(END)